

Polis tahan lelaki bawa PATI cuba lolos sekatan jalan raya

Oleh **Asrol Awang** - April 2, 2022 @ 12:06am

bhnews@bh.com.my



RAKAMAN gambar yang tular di media sosial. FOTO Tular

KUANTAN: Seorang lelaki nekad memecut kenderaan dipandu yang membawa 12 pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Myanmar untuk mengelak sekatan jalan raya diadakan polis di Lebuhraya Pantai Timur Fasa Satu (LPT1) di Gambang, di sini hari ini.

Tindakan lelaki itu memaksa polis melepaskan lima das tembakan termasuk ke arah tayar kenderaan utiliti sukan jenis Nissan X-Trail itu bagi tujuan menghentikannya.

Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf, mengesahkan kejadian itu yang berlaku di sekatan jalan raya berkaitan Ops Samseng Jalan di Kilometer 200 LPT1, dekat Gambang, di sini, kira-kira jam 11 pagi.

Mengulas lanjut, katanya suspek memecut kenderaannya secara tiba-tiba semasa menghampiri sekatan jalan raya dan menggunakan lorong kecemasan untuk

melarikan diri, sebelum cuba memasuki semula lorong laju sehingga hampir melanggar anggota polis bertugas.

"Pihak polis terpaksa melepaskan tembakan ke udara sebagai amaran, namun pemandu enggan berhenti menyebabkan kenderaan peronda lebuh raya (EMPV) terpaksa mengejanya.

"Selepas kenderaan berhenti kira-kira satu kilometer dari sekatan jalan raya akibat tayar pancit, suspek melarikan diri ke kawasan semak berhampiran sebelum berjaya ditangkap," katanya semasa dihubungi di sini hari ini.

Ramli berkata, pemeriksaan lanjut menemukan 12 lelaki warga Myanmar menaiki kenderaan itu, selain seorang remaja lelaki berusia 17 tahun yang dipercayai anak saudara kepada suspek yang berasal dari Pasir Mas, Kelantan.

Tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian pada 11 pagi itu, walaupun kenderaan suspek telah melanggar sebuah kenderaan semasa cuba melarikan diri.

Kenderaan itu dipercayai dari Kelantan menuju Petaling Jaya, Selangor.

Semua yang berada di dalam kenderaan terbabit ditahan untuk siasatan lanjut termasuk di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan kerana cubaan membunuh dan Seksyen 186 kanun sama kerana menghalang tugas polis serta Akta Imigresen 1959.

Sementara itu, mengulas mengenai operasi berkenaan, Ramli berkata operasi melibatkan Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan serta Bukit Aman bermula jam 10 pagi itu menyaksikan 138 saman dikeluarkan, 14 motosikal disita serta tiga individu ditahan atas pelbagai kesalahan. –
BERNAMA